

# Dana RM15b utamakan pembinaan tebatan banjir

## Langkah khas dilaksana segera kurangkan kesan bencana alam

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan memperuntukkan RM15 bilion melalui fasa pertama program adaptasi perubahan iklim bermula tahun ini bagi membina lebih banyak projek tebatan banjir, termasuk banjir lumpur dan aliran puing di hulu sungai di negara ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang, berkata peruntukan itu

adalah susulan adaptasi perubahan iklim dalam sektor alam sekitar dan air.

Katanya, program adaptasi perubahan iklim itu adalah bagi tebatan banjir dan hakisan pantai, termasuk keruntuhan tebing di hulu sungai yang menyebabkan aliran puing atau banjir lumpur khususnya di 50 lokaliti yang dilaporkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Kita sasarkan projek fasa awal bernilai RM15 bilion itu boleh disiapkan selewat-lambatnya menjelang 2030 dengan fokus projek tebatan banjir di kawasan dilanda bencana kira-kira enam bulan lalu.

"Melalui pelan adaptasi ini, KASA akan melaksanakan projek tebatan banjir antaranya di empat kawasan di Baling, Kedah; Klang, Hulu Langat di Selangor dan Raub di Pahang.

"Kita melaksanakan projek



Pelbagai sisa kayu dibawa arus sungai tingkat kesan dan kemusnahan banjir di sekitar kawasan kejadian.

(Foto hiasan)

50 lokaliti tanah  
runtuh, kepala air  
dikesan



Laporan BH  
semalam.

ini di lokaliti yang tebing runtuh di hulu sungai," katanya kepada *BH* di sini, semalam.

Muka depan *BH* semalam melaporkan, JPS mengenal pasti kira-kira 50 lokaliti di seluruh negara yang berisiko tinggi berlaku insiden tebing runtuh di hulu sungai kerana kedudukannya terletak berhampiran lokasi berpotensi mengalami kejadian aliran puing dan

banjir lumpur.

Lokaliti berkenaan terletak di Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sabah, Sarawak, dan Selangor.

Susulan penemuan itu, JPS merangka projek tebatan banjir untuk dibangunkan di semua lokaliti berkenaan termasuk membina struktur sabo yang diadaptasi dari Jepun.

Zaini berkata, struktur sabo berjaya mengurangkan tahap risiko aliran puing dan banjir lumpur, malah Jepun sendiri sudah membina lebih 100,000 struktur sabo sejak 100 tahun lalu.

Selain tebatan banjir, katanya, KASA turut bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi memantapkan kawal selia guna tanah khususnya di hulu lembau

ngan sungai.

"Kita juga akan menyediakan sistem amaran cuaca dan aras air sungai yang lebih meluas khususnya di kawasan berisiko tinggi," katanya.

Beliau berkata, penduduk berhampiran kawasan berisiko turut dinasihati memastikan sekitar rumah dilengkapi dengan kemudahan sistem saliran selain mewujudkan 'sahabat sungai' bagi memastikan lembangan sungai bersih dan diurus dengan baik.

Katanya, penduduk perlu membina struktur bersesuaian untuk mengurangkan risiko banjir lumpur seperti tembok dan jika berkemampuan, mendirikan rumah bertiang, selain segera berpindah jika diarahkan pihak berkuasa.